

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, October 31, 2019 3:31 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Aureus Academy Dedah Perubahan Industri Muzik Seiring Dengan Revolusi Industri 4.0



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

31 OKTOBER 2019 / 3 RABIULAWAL 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: SCIMPA

AUREUS ACADEMY DEDAH PERUBAHAN INDUSTRI MUZIK SEIRING DENGAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0



UUM ONLINE: Program 'Industrial Engagement With Aureus Academy Embracing IR4.0 : How Can Music Enrich Creativity?' telah memberi pendedahan kepada pelajar tentang perubahan yang dibawa seiring dengan Revolusi Industri Keempat (IR4.0).

Program ini telah dijayakan oleh Pengarah Urusan, Aureus Academy, Jenny Cho bersama dengan Pengarah Bersama Sumber Manusia Aureus Academy, Jack Chen.

Jenny berkata, sejajar dengan perkembangan teknologi, Aureus Academy telah berkembang dengan menawarkan perkhidmatan atas talian untuk semua pelajarinya.

Menurutnya, persembahan muzik juga telah dipertontonkan secara atas talian sebagai salah satu bentuk pemasaran bagi menarik pelajar baharu, justeru Aureus Group telah ditubuhkan di mana antara syarikat subsidiarinya adalah syarikat berasaskan teknologi maklumat.

Aureus Academy adalah sekolah muzik terkemuka di Singapura dengan lebih 10,000 pelajar mendaftar di akademi tersebut yang mengkhususkan dalam menyediakan pelajaran instrumen muzik seperti piano, biola dan gitar yang disesuaikan menurut kemampuan individu serta pelajaran vokal kepada pelajar dari semua peringkat umur.

Timbalan Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA), Dr. Juliana Aida Abu Bakar berkata, program seumpama itu diadakan adalah untuk meningkatkan reputasi dan keterlihatan SCIMPA dalam menarik lebih ramai pelajar tempatan dan antarabangsa untuk memilih bidang pengajian yang ditawarkan.

Selain itu, menurutnya, program tersebut juga dapat mendekatkan pelajar dengan bakal majikan, di samping berusaha menonjolkan bakat masing-masing.

“Saya berharap agar ilmu dan pengalaman berguna yang ditimba sepanjang program ini dapat dimanfaatkan dan dipraktikkan oleh pelajar pada masa akan datang,” katanya.

Pengarah program, Nor Amarzatul Balqis Kamarudin yang juga Presiden Kelab Creative Innovative Association (CIA) berkata, penganjuran program julung kali bersama SCIMPA ini adalah untuk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan berkaitan dengan kemajuan industri muzik seiring dengan Revolusi Industri 4.0.

Menurutnya, peserta dapat meningkatkan pengetahuan tentang perubahan yang berlaku didalam industri kreatif terutamanya industri muzik sejajar dengan IR4.0 dan mendapat pendedahan tentang peluang kerjaya yang berkaitan.

Katanya, setiap ilmu yang diperoleh akan dapat memberi faedah bukan sahaja buat diri sendiri malah untuk manfaat sejagat.

Aureus Academy juga menawarkan pekerjaan yang bersesuaian mengikut skop pembelajaran pelajar SCIMPA terutamanya pelajar yang mengambil pengkhususan muzik.

Antara pekerjaan yang ditawarkan adalah guru muzik, pengurus pusat, bahagian operasi, penjenamaan korporat, jualan dan pembangunan perniagaan, sumber manusia dan perakaunan kewangan.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.